

PSP bermula Januari

Dianggarkan 2.86 juta penerima B40 akan mendapat manfaat daripada skim itu

NOOR AZURA SAHRIL

SHAH ALAM

Program Subsidi Petrol (PSP) yang akan dilaksanakan mulai Januari 2020 akan terus disalurkan kepada golongan sasaran yang layak, yang terdiri daripada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)

bagi mengurangkan perbelanjaan petrol mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ini merupakan inisiatif kerajaan untuk meringankan beban isi rumah melalui pembiayaan sebahagian kos penggunaan petrol kepada golongan berpendapatan rendah.

"Penerima BSH perlu memenuhi kriteria pemilikan kenderaan yang telah ditetapkan iaitu kereta 1600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1600cc yang berumur 10 tahun dan ke atas.

"Kategori motosikal yang layak pula ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi



SAIFUDDIN NASUTION

150cc yang berumur tujuh tahun dan ke atas," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Program Subsidi Petrol itu akan menyalurkan bantuan tunai yang akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali iaitu sebanyak RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan untuk motosikal.

Dianggarkan seramai 2.86 juta penerima akan mendapat manfaat daripada skim tersebut.

Sebelum ini, KPDNHEP mengumumkan harga petrol RON95 akan diapungkan dan dinaikkan sebanyak satu sen setiap minggu sebaik PSP dilaksanakan. Harga bahan bakar itu akan dinaikkan secara berperingkat sehingga mencapai harga semasa pasaran.

Bagaimanapun KPDNHEP berkata, program subsidi itu hanya terpakai di Semenanjung manakala bagi Sarawak, Sabah dan Labuan masih menikmati harga subsidi RON95 pada RM2.08 seliter.

Program Subsidi Petrol (PSP)

APAKAH PSP?

Inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah melalui pengagihan semula subsidi petrol.

Ia adalah satu bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrolnya.

MAKLUMAT LANJUT

SILA IMBAS

MR. RON
Ikan PSP

#subsidipetrol | #psp